

# Tarik generasi muda dalam ilmu

## Imam Khairul Asyraf mahu sumbang tenaga bagi lahirkan masyarakat celik agama



Oleh Asmat Fikri  
bhsentral@bharian.com.my

**N**ILAI: Kesibukan bekerja sebagai pembantu penyelidik di Akademi Permata Insan tidak menghalang Khairul Asyraf Mohd Nathir, 25, menjalankan tanggungjawab sebagai Imam di Surau Rumah Rakyat, Nilai di sini.

Graduan Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu berkata, tugasannya itu bukan satu bebanan, tetapi tanggungjawab kepada masyarakat, sekali gus dapat menarik golongan muda seperti ke surau.

Katanya, golongan muda yang mempelajari ilmu agama khususnya, patut bersama menyumbang tenaga dan maklumat agama

itu kepada masyarakat supaya dapat melahirkan generasi celik agama.

“Kebiasaan kita lihat, imam sekarang kebanyakannya adalah golongan sudah berusia. Jadi, sepatutnya ada pelapis di kalangan golongan muda kerana segala pendekatan diterapkan kepada masyarakat sangat berbeza.



“Perbezaan ini dalam lagu bacaan, pengalaman, idea, tenaga dan pendekatan dakwah kerana kita ingin mendekati generasi sekarang yang persekitarannya lebih mencabar berbanding dulu,” katanya.

Sehubungan itu, Khairul Asyraf berkata, setiap golongan muda juga sepatutnya mempunyai hasrat menjadi pemimpin masyarakat dalam



*Imam sekarang kebanyakannya golongan sudah berusia. Jadi, sepatutnya ada pelapis di kalangan golongan muda kerana segala pendekatan diterapkan kepada masyarakat sangat berbeza*

**Khairul Asyraf Mohd Nathir**  
Imam Surau Rakyat Nilai

bidang keagamaan, seterusnya menjadi medan penyampaian dakwah yang telus.

“Disebabkan rasa tanggungjawab dalam diri, saya tidak merasakan tugas ini satu bebanan, malah menganggapnya sebagai satu amanah yang perlu dilaksanakan.

“Tugas ayah sebagai imam mendorong saya meneruskan kerjaya

mulia ini dan apabila diberi peluang bertugas di sini Februari lalu, saya terus bersetuju tanpa berfikir panjang,” katanya.

Walaupun baru lebih empat bulan bertugas sebagai imam, namun rasa cinta kepada bidang ini mula menebal dalam dirinya walaupun Khairul Asyraf akan menyambung pengajiannya ke peringkat sarjana dalam bidang sama September ini.

“Pelbagai aktiviti dilakukan dengan penduduk setempat membuatkan saya semakin sayang dengan kerjaya ini. Antara aktiviti itu termasuk mengajar al-Quran kepada penduduk cilik sekitar sini setiap malam bermula Isnin hingga Jumaat, manakala bacaan Yassin dan tahlil setiap malam Jumaat.

“Saya juga bercadang memperbanyakkan aktiviti pada bulan Ramadan termasuk menganjurkan majlis gotong-royong bersama penduduk sebelum Ramadan untuk mengeratkan hubungan sesama Islam,” katanya.

### PROFIL

Nama: Khairul Asyraf Mohd Nathir

Umur: 25 tahun

Isteri: Nur Atikah Abdul Kader

Pendidikan:

- Maahad Muhammadi Lelaki
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan kepujian

Kerjaya:

- Pembantu Penyelidik Akademi Permata Insan USIM
- Imam Surau Rakyat Nilai, Negeri Sembilan